

06 OCT 2000

Mahathir-Umno

ANGGOTA UMNO PERLU KEMBALI KEPADA PERJUANGAN PARTI

KOTA BAHARU, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru anggota Umno supaya kembali kepada perjuangan parti, membela rakyat dengan bersungguh-sungguh.

"Sama ada kita berjaya atau tidak untuk mengembalikan sokongan rakyat kepada Umno bergantung kepada komitmen kita semua untuk bersama-sama turun padang dan mendekati rakyat.

"Serta bekerja kuat demi mempertahankan bukan sahaja parti kita tetapi juga lambang kuasa dan kedaulatan orang Melayu dan Islam," kata Presiden Umno itu dalam kata-kata aluan buku cenderamata Konvensyen Umno Kelantan 2000, yang akan berlangsung di sini esok.

Dr Mahathir berkata, setelah 54 tahun Umno ditubuhkan dan 43 tahun negara mencapai kemerdekaan hasil perjuangan pemimpin-pemimpin Umno yang terdahulu, negara dan rakyat yang ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional dengan Umno sebagai tonggakunya telah banyak mencapai kejayaan dan kemakmuran.

"Namun hari ini kita melihat Umno yang telah banyak berjasa kepada orang Melayu khususnya mulai ditolak," katanya.

"Malah musuh-musuh Umno dengan lantang memupuk sifat kebencian terhadap Umno dan para pemimpin Umno, dengan menuduh pemerintahan kerajaan yang dipimpin Umno sebagai zalim dan tidak menurut prinsip-prinsip Islam," katanya.

Konvensyen sehari Umno Kelantan itu amat bermakna bagi Umno dan Badan Perhubungan Umno Kelantan untuk menilai kedudukan parti itu di kalangan orang Melayu di Kelantan, di samping memberi peluang kepada Umno menangani masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapinya di Kelantan, kata Dr Mahathir.

Konvensyen sehari yang bertemakan "Umno Kuat, Islam Kuat" akan dirasmikan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed di sebuah hotel di sini.

Sementara itu, pengerusi konvensyen tersebut Datuk Paduka Ibrahim Ali pada persidangan berita di sini, petang semalam, berkata Islam adalah progresif yang membolehkan umatnya menggunakan pendekatan baru dalam semua bidang kehidupan termasuk teknologi maklumat.

Jika umat Islam mengenyepikan pendekatan baru adalah dikhuatiri mereka akan ketinggalan berbanding penganut agama lain, katanya.

Konvensyen sehari suntuk itu akan disertai 1,700 peserta termasuk tokoh-tokoh politik, korporat, ulama dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan.

Konvensyen itu juga akan memberi peluang seluas-luasnya kepada peserta untuk menilai sejauh mana sumbangan kerajaan negeri pimpinan Pas setelah lebih 10 tahun memerintah negeri ini.

--BERNAMA

BD SM RI